PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 4-8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel.: ***03 - 8884 6077***
Faks: ***03 - 8889 4548***
Laman Web: ***http://www.moe.gov.my***

KP(BPK) 400-32/6Jld.3(61)

22 APRIL 2010

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI (LINUS) TAHAP I DI SEKOLAH RENDAH

Program Literasi dan Numerasi (LINUS) merupakan subbidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan yang bertujuan untuk memastikan semua murid boleh menguasai asas literasi dan numerasi kecuali murid berkeperluan khas. Sehubungan itu, Program LINUS hendaklah dilaksanakan di semua sekolah rendah mulai tahun 2010.

2. Pelaksanaan Program LINUS adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, bermula dari Jabatan Pelajaran Negeri , Pejabat Pelajaran Daerah dan Guru Besar Sekolah. Tanggungjawab setiap peringkat pelaksanaan adalah seperti yang berikut:

2.1 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

i. Memastikan pelaksanaan dan pemantauan Program LINUS di peringkat PPD dan sekolah seperti yang dirancang.

ii. Memanjangkan surat-surat arahan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.2 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

i. Mengurus percetakan dan pengedaran instrumen saringan Literasi dan Numerasi ke sekolah.

ii. Mengurus pengedaran modul pengajaran dan modul pembelajaran Literasi dan Numerasi ke sekolah.

iii. Memastikan *Fasilinus* memberi bimbingan dan menjadi pemudahcara kepada guru LINUS di daerah masing-masing.

2.3 **Guru Besar**

i. Memastikan saringan LINUS dilaksanakan.

ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Program LINUS.

iii. Memastikan data penguasaan murid dimasukkan (*key in*) ke dalam pangkalan data LINUS.

iv. Memastikan guru yang melaksanakan Program LINUS adalah guru Bahasa Melayu, Matematik dan guru Pemulihan Khas.

v. Memastikan Guru Bahasa Melayu dan Matematik dilatih untuk memberi bimbingan dalam Program LINUS. Guru pemulihan Khas pula berperanan untuk memberi bimbingan kepada murid LINUS tegar.

vi. Memastikan guru yang terlibat dalam Program LINUS menggunakan modul pengajaran dan modul pembelajaran yang disediakan oleh KPM sebagai panduan utama.

3. Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan. adalah dipohon untuk memaklumkan Surat Siaran ini kepada pegawai di bawah tanggungjawab Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
   Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran

2. Y.B. Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
   Timbalan Menteri Pelajaran

3. Y.B. Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
   Timbalan Menteri Pelajaran

4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pelajaran Malaysia

6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
   Kementerian Pelajaran Malaysia

7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia

8. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia

9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia

10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia